

27/11/1999

Tindakan pembangkang terima bantuan asing malukan negara

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan parti pembangkang mendapatkan bantuan kewangan asing menjelang pilihan raya kali ini sebagai memalukan negara.

Menurutnya, walaupun ketika ini tiada undang-undang negara yang boleh mencegahnya, namun dari segi moralnya penerimaan bantuan itu menunjukkan pembangkang menerima campur tangan asing dalam urusan pentadbiran negara.

"Kalau ada bukti mereka (pembangkang) mendapat bantuan, kita perlu kaji mengenainya (tindakan)," katanya kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan calon Barisan Nasional (BN) yang bertanding pada pilihan raya kali ini.

Dr Mahathir berkata, selain siasatan Kementerian Luar menunjukkan wujud perkara itu, malah Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam ucapannya bersama Timbalan Presiden DAP, Karpal Singh di Jelutong, Pulau Pinang dengan bangganya mengaku mereka mendapat sokongan pihak asing.

"Bagi kita, ia memalukan negara kerana tidak perlu mendapat sokongan negara lain. Kalaulah mereka menjadi kerajaan, saya percaya mereka akan didalangi dan menjadi boneka serta tidak merdeka lagi," katanya.

Beliau berkata, walaupun kerajaan tidak mempunyai bukti jelas mengenai pembabitan kedutaan asing, namun Kementerian Luar sudah memberi amaran kepada keempat-empat kedutaan terbabit.

Mengenai sokongan rakyat kepada BN, beliau yakin BN akan mendapat sokongan lebih daripada dua pertiga kerana kini majoriti senyap sudah menyatakan pendirian masing-masing menyokong BN.

"Pengundi yang dulunya berdiam diri, sekarang ini mengambil berat dan membuat kenyataan menyokong BN kerana mereka begitu khuatir dengan cadangan Pas untuk mewujudkan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud, manakala DAP pula mahu menghapuskan hak istimewa orang Melayu," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, pembesaran lapangan terbang itu dan pembinaan lebuh raya dibuat kerana ia memberi faedah kepada rakyat dan pelabur.

"Sistem pengangkutan sebelum ini tidak begitu baik dan kita mahu meningkatkan tarafnya bagi meningkatkan pembabitan sektor swasta dalam perniagaan dan menjadikan lapangan terbang ini sebagai yang utama di pantai Timur bagi menampung keperluan dari Pahang dan Kelantan," katanya.

(END)